



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000
Faks : 605 527 7273
Laman Web : <http://jpnperak.moe.gov.my>

Ruj. Kami : J.PEN.PK.(AM)3955/78/Jld.13(20)

Tarikh : 4 Julai 2018

Pengetua /Guru Besar
Sekolah Menengah /Sekolah Rendah
Negeri Perak.

Tuan,

**PERUBAHAN TARIKH KEMASUKAN DATA PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN
DALAM SISTEM ANALISIS PEPERIKSAAN SEKOLAH (SAPS) TAHUN 2018**

Dengan segala hormatnya surat daripada Kementerian Pendidikan Malaysia KPM.100-11/2/25Jld.2(7) bertarikh 27 Jun 2018 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuka semula pengisian markah data Peperiksaan Pertengahan Tahun (PPT) dalam Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS) bagi tahun 2018. **Akses kepada SAPS ini hanya dibuka untuk modul guru sahaja.** Modul ibu bapa ditutup sehingga dimaklumkan kelak. Semua urusan pengisian markah PPT hendaklah diselesaikan pada atau sebelum **14 Julai 2018.** (rujuk lampiran)

3. Sehubungan dengan itu, sekolah akan menerima kata laluan baharu (sementara) melalui Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) bagi mengakses SAPS. Tuan bertanggungjawab untuk memastikan semua guru yang menggunakan SAPS menukar kata laluan sementara ini sebelum membuat pengisian markah bagi memastikan keselamatan data SAPS.

4. Sebarang pertanyaan, sila hubungi **Encik Syahrul Lizan Bin Mohamed Nasir** di talian **05-2414000** sambungan **107** atau **Pegawai Penyelaras SAPS** daerah masing-masing.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HAJI MAT LAZIM BIN IDRIS, DPMP., AMP.)
Pengarah Pendidikan Negeri Perak

- s.k:
- 1) Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri Perak
 - 2) Semua Ketua Sektor, Jabatan Pendidikan Negeri Perak
 - 3) Semua Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Perak



Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung



TAKWIM
TARIKH KEMASUKAN DATA PEPERIKSAAN DALAMAM TAHUN 2018
DALAM SISTEM ANALISIS PEPERIKSAAN SEKOLAH (SAPS)
DAN
CADANGAN TARIKH 'AKHIR' PELAKSANAAN PEPERIKSAAN DALAMAM TAHUN 2018
SEKOLAH MENENGAH NEGERI PERAK

TAHUN 5, TAHUN 6, TINGKATAN 4 & TINGKATAN 5 :

BIL.	PERKARA	TINGKATAN	TARIKH 'AKHIR' PELAKSANAAN PEPERIKSAAN DALAMAM	TARIKH PENGISIAN MARKAH DALAM SAPS		CATATAN
				MULA	AKHIR	
1.	PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN (PPT)	TAHUN 5 TAHUN 6 TING. 4 TING. 5	11 MEI 2018	1 JULAI 2018	14 JULAI 2018 (Kebangsaan) *14 JULAI 2018 (Perak)	Cuti Sekolah : 9-24 Jun 2018
2.	PEPERIKSAAN PERCUBAAN (PP)	TAHUN 6	3 OGOS 2018	19 JULAI 2018	16 OGOS 2018 (Kebangsaan) *10 OGOS 2018 (Perak)	Cuti Sekolah : 18-26 Ogos 2018
		TING. 5	7 SEPT 2018	13 SEPT 2018	4 OKTOBER 2018 (Kebangsaan) *29 SEPT 2018 (Perak)	
3.	PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN (PAT)	TAHUN 5 TING. 4	26 OKT 2018	1 NOV 2018	22 NOV 2018 (Kebangsaan) *20 NOV 2018 (Perak)	Cuti Sekolah : 24 Nov 2018 – 1 Jan 2019

CATATAN :

- Pihak sekolah dinasihatkan tidak mengisi di saat-saat akhir bagi mengelakkan masalah berkaitan talian *internet* dan *server* selain daripada usaha pemantauan JPN / PPD bagi memastikan semua sekolah berjaya mengisi sepenuhnya dengan lengkap untuk sekolah dan daerah masing-masing. Dicadangkan, mohon kerjasama pihak sekolah menggunakan 'TARIKH AKHIR' pengisian markah dalam SAPS yang disyorkan oleh JPN Perak.
- Tarikh yang sama boleh diguna pakai bagi tahun 1 – 4 dan tingkatan 1 & 2 untuk kegunaan sekolah masing – masing. Untuk Tingkatan 3, markah boleh diisi untuk Menu yang disediakan dalam SAPS [Pentaksiran Awal Tahun (Ujian 1) dan Pentaksiran Pertengahan Tahun (Peperiksaan Pertengahan Tahun)].